



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SIARAN AKHBAR**

**Dua Notis Amaran dan satu Kompaun dikeluarkan semasa operasi sepadu JPES  
dan Unit SDT di Daerah Tutong**

1. Sebanyak tiga (3) buah premis perniagaan didapati melanggar Akta Kawalan Harga, Penggal 142 semasa operasi sepadu yang dijalankan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna bersama Unit Sukatan dan Timbangan (SDT), Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi, di Daerah Tutong baru-baru ini.
2. Selain daripada penguatkuasaan rutin harian, operasi sepadu JPES bersama Unit SDT adalah kerja penguatkuasaan secara bulanan yang dijalankan sebagai usaha dalam mewujudkan iklim perniagaan yang beretika dengan memastikan kepatuhan peniaga terhadap perundangan Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya, serta Akta Sukatan dan Timbangan Penggal 151.
3. JPES telah mengeluarkan dua (2) Notis Amaran kepada dua (2) syarikat masing-masing atas kesalahan tidak mempamerkan tanda harga bagi beberapa barangan yang dijual di dalam premis perniagaan dan satu (1) kompaun berjumlah BND500.00 kepada Syarikat Perusahaan Cap Udang kerana ketidakpatuhan terhadap Akta Kawalan Harga, Penggal 142 iaitu menjual melebihi harga maksimum yang ditetapkan bagi beberapa produk susu tepung formula anak damit.
4. Sementara itu, Unit SDT mendapati bahawa semua premis perniagaan yang telah diperiksa mematuhi sepenuhnya Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151.
5. Peniaga diingatkan untuk sentiasa mematuhi Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dalam membantu membangunkan persekitaran perniagaan yang wajar dan mampan serta memberi manfaat kepada pengguna dan peniaga amnya, dengan menjalankan perniagaan yang beretika. Peniaga turut diingatkan untuk memastikan alat-alat sukatan dan timbangan yang digunakan bagi aktiviti jual beli mempunyai pelekat pendaftaran yang mengandungi tempoh penggunaan yang sah yang dikeluarkan oleh Unit SDT di bawah Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151.

6. Dalam pada itu, pengguna digalakkan untuk mengamalkan amalan “Pengguna Bijak” semasa membeli-belah dengan membuat perbandingan harga serta melaporkan aduan secara rasmi dengan menyertakan dokumen sokongan, kepada agensi-agensi berkenaan, jika terdapat amalan perniagaan yang tidak wajar:
- Jabatan Hal Ehwal Pengguna, JPES: Talian Darussalam 123; atau e-mel: [aduanpengguna@jpes.gov.bn](mailto:aduanpengguna@jpes.gov.bn)
  - Unit Sukatan dan Timbangan, IBE: Nombor talian 2334092; atau e-mel: [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn)

#####

Disediakan oleh:  
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
E-mel: [dca@jpes.gov.bn](mailto:dca@jpes.gov.bn)

Rujukan : ( 68 )JPES/CAD/AKTA/Pt.12  
Tarikh : 05 Safar 1447 / 30 Julai 2025



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PRESS RELEASE**

**Joint operation DEPS and SDT in Tutong District results in two Warning Notice  
and 1 Compound issued**

1. A total of three (3) business premises were found to have violated the Price Control Act, Chapter 142 during a recent joint operation in Tutong District conducted by the Department of Economic Planning and Statistics (DEPS) through the Department of Consumer Affairs, in collaboration with the Weights and Measures Unit (SDT), Industry and Business Ecosystem Division (IBE) under the Ministry of Finance and Economy.
2. In addition to routine daily enforcement, the monthly joint operations between DEPS and SDT Unit are part of continuous efforts aimed at upholding an ethical business environment by ensuring that businesses adhere to the Price Control Act, Chapter 142 and its regulations, as well as the Weights and Measures Act, Chapter 151.
3. DEPS has issued two (2) Warning Notices to two (2) premises respectively for failure to display prices on items found within the business premises and one (1) compound of BND500.00 to Syarikat Perusahaan Cap Udang for non-compliance with the Price Control Act, Chapter 142 which is selling infant formulated powdered milk products above the set maximum prices.
4. Meanwhile, the SDT Unit found that all business premises inspected were in full compliance with the provisions of the Weights and Measures Act 1983 (Act 151).
5. Businesses are reminded to conduct ethical business practices by complying with the Price Control Act, Chapter 142, towards fostering a fair and sustainable business environment that benefits both consumers and the business community at large. Additionally, businesses must ensure that all weighing and measuring machines used in trading activities bear a valid registration label issued by SDT Unit, indicating the authorized period of use, in accordance with the Weights and Measures Act 1983, Chapter 151.

6. In addition, consumers are encouraged to adopt "Smart Consumer" habits by comparing prices before making purchases and reporting any unethical business practices officially to the relevant authorities, along with supporting documents:

- Department of Consumer Affairs, DEPS: Talian Darussalam 123; or email: [aduanpengguna@jpes.gov.bn](mailto:aduanpengguna@jpes.gov.bn)
- Weights and Measures Unit, IBE: Phone number 2334092; or email: [sdt@mofe.gov.bn](mailto:sdt@mofe.gov.bn)

#####

Prepared by:  
Department of Economic Planning and Statistics  
Ministry of Finance and Economy  
Email: [dca@jpes.gov.bn](mailto:dca@jpes.gov.bn)

Reference : ( 68 )JPES/CAD/AKTA/Pt.12  
Date : 05 Safar 1447 / 30 July 2025